

Gagal selenggara sistem perangkat kelodak Projek Warisan Merdeka

Banjir kilat: Perunding didenda

Oleh **MOHD. ZULFADLI SHARIFUDIN**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Sebuah syarikat perunding bagi Projek Warisan Merdeka di Jalan Stadium di sini, didenda sebanyak RM50,000 kerana gagal menyelenggara sistem perangkat kelodak di tapak projek itu sehingga menyebabkan banjir kilat di ibu kota semalam.

Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Mhd. Amin Nordin Abd. Aziz berkata, syarikat itu juga diberi amaran oleh pihaknya

bagi memastikan kejadian itu tidak berulang pada masa akan datang.

"Kes tersebut berlaku disebabkan sistem perangkat yang berfungsi untuk menahan kelodak daripada terus mengalir ke sungai itu tidak diselenggara dengan sempurna sekali gus menyebabkan banjir lumpur di Jalan Sultan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, *Utusan Malaysia* menyiarkan laporan berhubung ribuan warga kota terperangkap dalam kesesakan lalu lintas ekoran banjir kilat yang menyebabkan sebahagian ibu

negara 'lumpuh' petang semalam.

Ratusan kenderaan pula 'tenggelam' selepas sebuah tempat letak kereta di Jalan Kia Peng di sini, dinaiki air sedalam kira-kira 0.6 meter berpunca daripada hujan lebat selama hampir dua jam.

Antara kawasan lain yang terjejas ialah Jalan Ampang, Jalan Pinang, Jalan Sultan Ismail, Jalan Ipoh, Jalan Raja Chulan dan Kampung Baru.

Selain faktor pembangunan di ibu negara, banjir kilat itu dikatakan turut berpunca daripada kadar taburan hujan yang tinggi dalam tempoh sejam semalam.



Kes tersebut berlaku disebabkan sistem perangkat yang berfungsi untuk menahan kelodak daripada terus mengalir ke sungai itu tidak diselenggara dengan sempurna sekali gus menyebabkan banjir lumpur di Jalan Sultan

MHD. AMIN NORDIN ABD. AZIZ

Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur